

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Era globalisasi dunia mencetuskan banyak perubahan dalam menghayati kehidupan arus pasca pemodenan. Perubahan terhadap gaya hidup berorientasikan teknologi maklumat di samping pelbagai elemen negatif dari luar yang telah memasuki ruang negara tanpa kawalan berjaya merubah bentuk pemikiran, ideologi dan budaya masyarakat. Oleh itu, persoalan terhadap keselamatan kian kompleks. Perkongsian maklumat amat perlu untuk kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Dalam memastikan transformasi kepada PDRM adalah berterusan, penilaian keselamatan (*risk assessment*) terhadap segala bentuk ancaman semasa dan masa hadapan telah dilakukan oleh PDRM seiring dengan era kontemporari.

Menyedari kepentingan perkongsian maklumat ini, pihak PDRM sentiasa mengharapkan masyarakat untuk tampil dan berganding bahu untuk menyalurkan maklumat berkaitan jenayah yang berlaku di persekitaran mereka supaya pihak polis dapat membuat penilaian dan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengekang aktiviti jenayah dari terus berlaku dan sekali gus dapat mengurangkan kadar jenayah dalam negara.

**Pihak Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menggalakkan masyarakat tampil membantu menyalurkan maklumat kepada pihak polis di antaranya seperti berikut:-**

**i) Akta Perlindungan Saksi 2009**

Akta ini diperkenalkan untuk menjaga keselamatan saksi-saksi yang bersetuju untuk memberikan keterangan, perlakuan jenayah, maklumat, pernyataan atau bantuan bagi pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan telah menubuhkan jabatan khas, iaitu Jabatan Perlindungan Saksi di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi melindungi saksi dan pemberi maklumat.

**ii) Rakan Cop**

Pihak PDRM telah memperkenalkan rakan cop bagi memudahkan orang awam menyalurkan maklumat kepada pihak polis melalui SMS di nombor 32728 secara percuma. Pengenalan kepada inisiatif ini adalah supaya tindakan segera dapat di ambil terhadap sebarang perlakuan jenayah dan butir maklumat dan pemberi maklumat akan dirahsiakan

**iii) Talian terus ke Bukit Aman**

Orang awam boleh menghubungi secara terus ke pusat kawalan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman melalui talian 03-2266 3451 untuk melaporkan sebarang kegiatan yang berlaku, tindakan segera akan diambil pihak polis di

daerah berkenaan atau jika sekiranya maklumat tersebut berprofil dan berisiko tinggi, tindakan akan di ambil oleh pihak STAFOC atau STING.

iv) **Penubuhan AMANITA**

Penglibatan surirumah melalui Program Keselamatan Kejiran Dengan Pelantikan Pegawai Polis Wanita Di Setiap Balai (*AMANITA*) yang berperanan sebagai "*Neighbourhood Safety*". Seramai 167 pegawai polis wanita di peringkat kontinjen atau daerah telah dilantik. *AMANITA* bertujuan bertemu dan berkenalan dengan surirumah dan kaum wanita bagi membina hubungan dan keyakinan terhadap pihak polis di samping bekerjasama dalam membendung jenayah.

Pihak Kementerian mempercayai dengan langkah yang di ambil, masalah jenayah dalam negara untuk masa yang mendatang dapat di tangani dengan lebih holistik dengan mengembeling keseluruhan jentera dalam pasukan polis dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat setempat untuk bersama membantu pihak polis dalam membentras jenayah. Wakil-wakil rakyat tanpa mengira ideologi politik masing-masing disaran untuk bersama membantu mengurangkan kadar jenayah dan anggaplah masalah jenayah sebagai agenda nasional yang memerlukan komitmen semua pihak bukan diletakkan sepenuhnya di bahu pihak penguatkuasaan semata-mata.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH [ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Raja Dato' Kamarul Bahrain Shah [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memulihkan keadaan kecetekan di muka Kuala Sungai Terengganu untuk membolehkan perahu serta bot nelayan bergerak seperti biasa berhampiran kerja-kerja penambakan di Shah Bandar Sungai Terengganu.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, aktiviti perahu dan bot nelayan dapat berjalan seperti biasa di laluan muara Sungai Terengganu. Bagi memastikan kerja-kerja penambakan di Shah Bandar Sungai Terengganu tidak memberi kesan negatif kepada aktiviti perahu dan bot nelayan di kawasan berhampiran, pihak Kerajaan telah memohon Juru Perunding kepada Kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan satu Kajian Hidraulik bagi mengenalpasti kesan dan langkah pencegahan terhadap kerja-kerja penambakan. Buat masa ini, beberapa perkara perlu diperincikan termasuk penumpuan pergerakan sendimen di kawasan tersebut bagi memastikan kesan yang minimum kepada aliran air di Sungai Terengganu.

Sekian, terima kasih.